



# UMP, ECERDC dan BiotechCorp bangunkan Taman Bio-Aromatik Pahang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama dua rakan strategiknya, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Malaysian Bioteknologi Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) bekerjasama dalam membangunkan sebuah Taman Bio-Aromatik dan pembangunan pusat kecemerlangan (CoE) Inovasi-Aromatik yang bakal menyediakan eko-sistem yang mampu menarik penyertaan penggiat industri perisa dan pewangi dari Malaysia dan antarabangsa.

Jaringan kerjasama melibatkan tiga agensi ini dimeterai dalam majlis pertukaran dokumen membabitkan UMP yang diwakili Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, sementara ECERDC diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Jebasingam Issace John dan BioTechCorp diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Dr. Mohd. Nazlee Kamal pada 16 Disember 2013 yang lalu di Pejabat Perdana Menteri Putrajaya.

Majlis bersejarah ini disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Ahmad Yaakob dan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Ahmad Said.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, jaringan kerjasama ini mampu menarik penyertaan penggiat industri perisa dan pewangi untuk melabur di Wilayah

Ekonomi Pantai Timur (ECER) terutamanya di negeri Pahang. Malah, projek ini dijangka berpotensi dalam memperkukuh kedudukan ECER bagi aktiviti hiliran dengan nilai melebihi RM100 juta.

"Tanaman nilam (*patchouli*) telah dikenal pasti sebagai salah satu tanaman yang berpotensi untuk ditanam di Taman Bio-Aromatik Pahang di Luit Maran dengan fasa pertama melibatkan tanah seluas 180 ekar.

"Dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan akademik, UMP dengan kerjasama pihak BiotechCorp turut bekerjasama dalam menawarkan program pengajian pascasiswazah terutamanya dalam bidang Bioteknologi di universiti ini," katanya yang hadir dalam Majlis Pertukaran Dokumen anjuran ECER di Bangunan Perdana Putra Putrajaya.

Beliau berkata, jaringan kerjasama ini turut membabitkan beberapa jabatan lain di UMP termasuk Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED) dan Pusat Keusahawanan dalam penawaran bidang berkaitan Agroteknologi dan Keusahawanan.

Pihaknya juga sudah mengadakan rundingan khidmat nasihat dengan sebuah institusi antarabangsa di Perancis iaitu, Grasse Institute of Perfumery yang mempunyai kepakaran dalam penghasilan produk wangian yang menepati standard antarabangsa International Fragrances Association (IFRA).

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff berkata, kemudahan pengekstrakan minyak dan pati dalam kandungan tanaman herba yang akan diusahakan ini mampu menghasilkan produk-produk hiliran termasuk sabun, kosmetik mahupun bahan ancaman berunsur buauan bagi menyelesaikan permasalahan berkaitan haiwan makhhluk perosak.

Dengan adanya fasiliti makmal pengujian di taman ini juga mampu memberi kemudahan terutamanya dalam kalangan pengusaha wangian dan pihak industri dalam menjalankan aktiviti pengujian bagi pengekstrakan tanaman herba di sini.

Dalam majlis yang sama menyaksikan 12 pelabur berserta tiga syarikat penerima Dana Mudah Cara Teraju untuk usahawan Bumiputera turut bertukar dokumen sebagai komitmen pelaburan baharu di wilayah ECER.

Antaranya adalah Genting Berhad untuk pelaburan taman tema dan pelancongan di negeri Pahang; pembinaan hotel 4 bintang berkonsepkan pertanian dan eko-pelancongan (Farm Resort (Gambang) Sdn. Bhd; pembinaan hotel 5 bintang oleh Boustead Hotels & Resorts Sdn. Bhd. di Cherating dan syarikat pembuat barangan kanak-kanak, Kidz Fun Manufacturing & Marketing Berhad di Kuantan.

Hadir sama dalam majlis, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd. Hilmey Mohd. Taib dan Ketua Timbalan Pendaftar Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Datin Fazia Ali.